


# MERKURI DALAM PRODUK PEMUTIH KULIT

**M**erkuri merupakan satu daripada bahan pemutih yang lazim digunakan dalam penghasilan produk bagi memutihkan kulit. Sering kali kita melihat iklan yang mempromosikan produk pemutih kulit di pelbagai media yang menjanjikan kesan pemutihan yang cepat. Propaganda untuk tampil cantik dengan kulit yang lebih putih dan tekanan daripada pelbagai sumber, seperti rakan dan media sosial, menjadikan penjualan produk pemutih kulit begitu laris dalam pasaran.

Penggunaan produk ini bukan sahaja tinggi permintaannya di Malaysia, malah di seluruh dunia. Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menemukan enam peratus produk pemutih kulit daripada 549 jenama produk yang dikumpulkan di kedai mahupun pembelian dalam talian mempunyai kandungan merkuri melebihi



1000 kali ganda daripada kadar yang dibenarkan. Produk ini dibeli daripada beberapa buah negara termasuk Filipina, Thailand, Jepun, Amerika Syarikat, China dan Jamaica. Keadaan ini menunjukkan

bahawa pembelian produk walaupun di negara maju, seperti Jepun dan Amerika Syarikat, tidak menjamin keselamatan pengguna apabila membeli produk kecantikan sedemikian. Produk kecantikan di Malaysia juga tidak terkecuali, terdapat banyak produk kecantikan yang sudah dibatalkan kelulusan penjualannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana mengandungi merkuri.


Sehubungan dengan itu, melanin merupakan pigmen yang memberikan warna kepada kulit. Semakin rendah kadar melanin, semakin cerah warna kulit seseorang. Dalam hal ini, merkuri mempunyai kemampuan untuk menghalang pembentukan melanin kulit yang menjadi asbab penggunaan merkuri dalam produk pemutih kulit yang ada dalam pasaran. Bagi meningkatkan dan mempercepat kesan pemutihan, pengeluar sanggup meningkatkan kadar merkuri dalam

produk tanpa menghiraukan kesan buruknya terhadap pengguna demi mengaut keuntungan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan paras kurang daripada 1 ppm sebagai paras selamat bagi merkuri dalam produk pemutih kulit. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai produk pemutihan mempunyai aras merkuri yang sangat tinggi yang melebihi ribuan kali ganda daripada paras yang ditetapkan.

Kadar merkuri yang tinggi dapat menimbulkan kesan setempat pada permukaan kulit mahupun kesan pada organ di dalam tubuh badan. Merkuri dapat meresap ke dalam tubuh melalui permukaan kulit. Berdasarkan kajian Sun dan rakan-rakan (2017), dapatan kajian tentang pesakit yang menggunakan produk pemutih kulit jangka panjang menemukan rasa sakit pada bahagian kepala, perut dan belakang badan sebagai gejala utama, di samping pelbagai gejala lain yang turut ditemukan. Majoriti pengguna mempunyai gangguan tidur. Antara gejala lain yang lazim dikesan, termasuklah kerosakan buah pinggang dan gangguan saraf yang menyebabkan pergerakan otot yang tidak terkawal.

Laporan kes di Amerika Syarikat mencatatkan bahawa seorang wanita berbangsa Sepanyol dimasukkan ke dalam hospital kerana gangguan pada sistem saraf yang menyebabkan gangguan percakapan, ketidakseimbangan untuk berjalan dan mata kabur. Pesakit ini mempunyai



Krim pemutih yang mengandungi merkuri yang tinggi yang digunakan oleh ibu mengandung boleh memberikan kesan kepada janinnya.

sejarah pemakaian produk pemutih selama tujuh tahun dan pemeriksaan terhadap produk tersebut menunjukkan kadar merkurnya yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 12 000 ppm. Pemeriksaan darah dan urin pesakit ini mendapati kadar merkuri yang tinggi. Rawatan bagi menyingkirkan merkuri tersebut tidak menambah baik keadaan pesakit. Pesakit terus memerlukan bantuan makanan melalui tiub dan tidak dapat bercakap.

Pemakaian produk pemutih yang mengandungi merkuri yang tinggi juga boleh memberikan kesan

buruk terhadap orang sekeliling. Merkuri dapat berpindah ke dalam tubuh seseorang melalui sentuhan kulit atau objek-objek seperti selimut yang tercemar dengan produk yang mengandungi merkuri. Merkuri dalam produk pemutih juga berupaya meruap dan mencemari ruang udara pada persekitaran. Selain itu, merkuri dalam tubuh seorang ibu mengandung mampu memasuki saluran darah janinnya yang sedang berkembang. Merkuri dapat mengganggu perkembangan janin yang boleh menyebabkan kerosakan pada sistem saraf.

Dalam laporan kes yang dilakukan oleh doktor, seorang kanak-kanak berusia 17 bulan mengalami keracunan merkuri akibat pemakaian produk pemutih kulit oleh ibu dan neneknya. Kanak-kanak tersebut menunjukkan pelbagai gejala dan tanda seperti penurunan selera makan, pengurangan berat badan, ketidakupayaan untuk berjalan dan peningkatan tekanan darah. Analisis terhadap produk pemutih kulit yang dipakai oleh ibu dan nenek kanak-kanak tersebut, dapatan menunjukkan bahawa tahap merkurnya yang tinggi, iaitu sebanyak 27 000–34 000 ppm. Tiada sebarang gejala dilaporkan oleh



Kandungan merkuri dapat dikesan dalam urin.



Peringatan pada label untuk mengelakkan sentuhan produk penjagaan kulit dengan emas, perak, getah, dan barang-barang kemas merupakan petunjuk penting yang mungkin bermaksud bahawa produk tersebut mengandungi merkuri.

**Merkuri berbentuk logam cecair yang warnanya seperti perak.**

kedua-dua orang pemakai walaupun pemeriksaan air kencing mereka menunjukkan kadar merkuri yang sangat tinggi.

Pengetahuan dan kesedaran pengguna terhadap kesan merkuri kepada kesihatan adalah penting. Pengguna perlu memeriksa kandungan bahan dalam produk penjagaan kulit sebelum membelinya. Merkuri pada produk dilabelkan dengan istilah "mercury", "mercurous" atau "mercuric" atau "poison". Istilah lain yang turut digunakan ialah "calomel", "cinnabaris", "quicksilver" dan "hydragyri pxydum rubrum". Walau bagaimanapun, tiada label yang tertulis kandungan merkuri tidak bermakna produk tersebut bebas merkuri. Peringatan pada label untuk mengelakkan sentuhan produk penjagaan kulit dengan emas, perak, getah, dan barang-barang kemas merupakan petunjuk penting yang mungkin bermaksud bahawa produk tersebut mengandungi merkuri.

Petunjuk lain yang mungkin bermakna produk itu ada kandungan merkuri adalah melalui warnanya. Produk yang tinggi merkuri biasanya berwarna keabu-abuan. Namun demikian, tidak



Produk pemutih tampil dalam pelbagai warna dan bentuk.

semua produk dengan warna kelabu ada mengandungi merkuri. Pengguna juga perlu memeriksa sama ada produk tersebut mendapat notifikasi daripada KKM. Notifikasi ini dapat disemak dalam laman sesawang Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Terdapat sistem pendaftaran produk dan pelesenan, yakni pengguna boleh memeriksa status notifikasi dengan menggunakan enjin carian tersebut. Sekiranya tiada notifikasi, pengguna boleh menghubungi pihak NPRA bagi mendapatkan maklumat lanjut. Produk tertentu mempunyai nombor siri atau pelekat khas bagi tujuan pengesahan. Bagi mengelakkan pembelian produk tiruan, pengguna boleh mendapatkan produk melalui pengedar atau kaunter yang sah. Selain itu, pengguna perlu peka terhadap berita semasa tentang perubahan status produk. Adakalanya juga produk tersebut sudah mendapat notifikasi daripada KKM, kemudiannya dibatalkan penjualan kerana mengandungi racun seperti merkuri. Pengumuman biasanya dihebahkan melalui sidang media seperti akhbar dan dalam laman sesawang NPRA.

Sebagai kesimpulannya, pengguna perlulah bijak dan peka terhadap perkembangan semasa. Kesedaran dan pengetahuan ini dapat menyelamatkan pengguna dan

**Jadual** Tip mengelakkan pembelian produk yang mengandungi merkuri berlebihan.

## TIP ELAKKAN PEMBELIAN PRODUK PEMUTIH KULIT YANG MENGANDUGI MERKURI

1. Lihat kandungan produk.
2. Lihat arahan khas yang mungkin menjadi petanda wujudnya kandungan merkuri.
3. Semak status notifikasi produk melalui laman sesawang NPRA.
4. Semak nombor siri atau pelekat untuk pengesahan ketulenan produk (produk tertentu).
5. Buat pembelian melalui pengedar atau kaunter yang sah.
6. Peka terhadap berita semasa tentang pembatalan notifikasi oleh KKM.

orang sekeliling daripada kesan buruk penggunaan produk pemutih yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa seseorang. Meskipun kesan buruk keracunan merkuri tidak berlaku dalam sekelip mata, kesan jangka panjangnya sangat memudaratkan manusia. Bagi membincangkan penggunaan merkuri

dalam produk pemutih kulit, pengguna harus mengetahui bahawa terdapat bahan pemutih lain, seperti hidrokuinon, yang tergolong dalam racun berjadual. Penggunaan bahan ini di dalam produk pemutih juga dilarang dan boleh menyebabkan kesan buruk terhadap tubuh badan.<sup>24</sup>



Dr. Fitri Fareez Ramli, Pensyarah Perubatan, Jabatan Farmakologi, UKM.